

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2022, VOL 5, Bil 2, Halaman 1-11

## **Analisis Tanda Baca *Muṣḥaf Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘Bah*, Brunei Darussalam**

### ***Analysis Of Punctuation Muṣḥaf Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘Bah*, Brunei Darussalam**

**Nur Husnina Binti Haji Sha‘arani<sup>1</sup> Ahmad Baha’ Mokhtar<sup>2</sup>**

- <sup>1</sup> Fakulti Usuluddin Master Research. Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. Email: Teratakdaun@gmail.com  
<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. Email: baha.mokhtar@unissa.edu.bn

\* Corresponding Author: Nur Husnina Binti Haji Sha‘arani. Fakulti Usuluddin Master Research, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. Email: Teratakdaun@gmail.com

**ABSTRACT**

*In 2006, the Brunei Darussalam government Printing Department published Muṣḥaf Al-Wāthiq Billāh with two versions of riwāyat namely Riwāyat Shu‘bah and Ḥafṣ ‘An’ Āṣim. However, the mushaf Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah is still unknown to many. There are significant differences between the two mushafs in terms of the punctuation used. This difference causes confusion among readers who do not know the knowledge of Qirā’āt. Therefore, this study would like to introduce the mushaf Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah and its reading marks. The method used in this study is a qualitative method that is by collecting data and analyzing information through reference and research on related studies through library methods. This study found that there are twelve unique punctuation marks used in the writing of the mushaf of Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah that are not used in any of the mushafs of the narration of Ḥafṣ.*

**Keywords**

*Reading marks, Muṣḥaf, Muṣḥaf Brunei, Muṣḥaf Al-Wathiq Billah, Riwāyat Shu‘bah*

**ABSTRAK**

*Pada tahun 2006, Jabatan Percetakan kerajaan Brunei Darussalam telah menerbitkan Muṣḥaf Al-Wāthiq Billāh dengan dua versi riwāyat iaitu Riwāyat Shu‘bah dan Ḥafṣ ‘An’ Āṣim. Namun begitu, mushaf Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah masih belum dikenali ramai. Terdapat perbezaan ketara antara kedua-dua mushaf dari segi tanda baca yang digunakan. Perbezaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca yang tidak mengetahui ilmu Qirā’āt. Oleh itu, kajian ini ingin memperkenalkan mushaf Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah dan tanda-tanda bacanya. Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah metode kualitatif iaitu dengan cara mengumpul data dan menganalisis maklumat melalui rujukan dan penelitian ke atas kajian-kajian yang berkaitan melalui kaedah perpustakaan. Kajian ini mendapati bahawa terdapat*



sepuluh tanda baca unik digunakan dalam penulisan mushaf *Al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah* yang tidak digunakan dalam mana-mana mushaf riwayat *Hafṣ*.

### Keywords

Tanda baca, *Dabt*, *Mushaf*, *Muṣḥaf Brunei*, *Muṣḥaf Al-Wathiq Billah*, *Riwāyat Shu'bah*

## 1.0 PENDAHULUAN

Pada zaman Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, Saidina Abu Bakar dan Sayidina 'Uthman *Radiallahu 'Anhuma* penulisan al-Qur'an belum menggunakan tanda baca titik dan baris. Masyarakat Arab ketika itu boleh membaca tanpa baris dan titik (Ghanim Qadduri, 2012). Setelah Islam makin tersebar, ramai bangsa yang bukan Arab memeluk Agama Islam, mereka tidak boleh membaca huruf-huruf Arab tanpa baris dan titik. Maka proses penandaan titik dan baris pada huruf-huruf al-Qur'an mula dilakukan oleh ulama. Hasil usaha ini akhirnya menjadi satu disiplin ilmu yang dikenali sebagai *Dabt Muṣḥaf* (Ghanim Qadduri, 2012).

Tanda baca yang mula direka adalah titik yang digunakan sebagai baris huruf iaitu yang berkaitan dengan nahu Arab/*I'rab*, titik ini mula diperkenalkan pada awal kerajaan Muawwiyah bin Abī Ṣufyān (660-680 M). Tanda titik baris ini dicipta oleh Abū al-Aswad al-Du'alī (w. 62 H) atas perintah Ziyād ibn Abū Ziyād Gabenor Baṣrah (al-Dani, 1987). Manakala titik huruf (*Naqt al-I'jam*) pula dicipta oleh Naṣr ibn 'Āsim dan Yaḥyā ibn Ya'mur (w. 90H) atas perintah Gabenor Iraq al-Ḥajjāj bin Yūsuf al-Thaqafī pada zaman pemerintahan Khalifah Mālik ibn Marwan (Salim Muhaysin, 2022). Seterusnya pada zaman 'Abasiyyah, *Imam al-Nahū* al-Khalīl ibn Aḥmad al-Farāhīdī (w.160H) telah mengubah suai titik baris (*Naqt al-I'rab*) ciptaan Abū al-Aswad al-Du'alī menjadi tanda baris seperti mana yang terdapat dalam mashaf sekarang. Pengubahsuaian ini dibuat apabila terdapat sebilangan pembaca al-Qur'an terkeliru dan tidak dapat membezakan antara titik baris dan titik huruf (Salim Muhaysin, 2002). Secara ringkasnya, al-Qur'an perlu diletak tanda baca untuk dijadikan sebagai panduan bagi memudahkan pembacaannya terutama bagi masyarakat Islam yang tidak memahami bahasa Arab.

Ilmu yang membicarakan tentang tanda baca dalam penulisan mashaf ini mula diperkenalkan oleh ulama *tabi'in* pada kurun pertama Hijrah yang dikenali sebagai Ilmu Titik dan Baris (*Naqt wa al-Shakl*), namun sekarang ilmu lebih dikenali sebagai Ilmu *Dabt Muṣḥaf* (Ghanim Qadduri, 2012). Perkataan *dabt* adalah nama terbitan dari kata dasar *ضَبَطَ يَضْبِطُ ضَبْطًا*. Menurut Dr Ashraf Muḥammad Fuad Tala'at al-Misriy *dabt* dari segi bahasa bererti mencapai suatu tujuan dalam menjamin pemeliharaan sesuatu perkara. Dari segi istilah *dabt* adalah tanda-tanda khas yang diletakkan pada huruf-huruf Al-Qur'an untuk menentukan sebutan yang betul seperti baris, tanda mati, sabdu, mad (panjang), tanwin dan sebagainya (Tala'at, 2006). Daripada definisi di atas, *dabt* merupakan satu disiplin ilmu berkaitan tentang penandaan huruf Al-Qur'an bagi menjaga daripada timbulnya kesalahan dalam membaca yang berasaskan dari hukum tajwid dan *wajh qiraat*. Dalam kajian ini, *dabt* yang dimaksudkan adalah tanda-tanda baca yang unik dalam *Muṣḥaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu'bah* seperti titik hijau yang diletakkan pada alif *wasl*, garis berwarna biru atau merah yang diletakkan bawah kalimah-kalimah tertentu dan bermacam-macam lagi yang berbeza dengan mushaf riwayat *Hafṣ* yang biasa.

Pada masa kini, riwayat *Hafṣ* adalah riwayat bacaan al-Qur'an terbesar di seluruh dunia Islam. Dianggarkan 95% daripada umat Islam di seluruh dunia membaca al-Qur'an menggunakan riwayat *Hafṣ* (Aitani, 2016). termasuk Negara Brunei Darussalam. Namun, tidak ramai dalam kalangan mereka yang tahu mengenai bacaan riwayat *Shu'bah* yang juga merupakan periwayat bagi Imam 'Āsim (Halimah et al., 2014). Menurut Imam Ibn Mujāhid terdapat 520 perbezaan antara kedua-dua riwayat walaupun mereka bersumberkan guru yang sama ('Abd Fattah al-Qadi, 2002). Oleh itu, mushaf riwayat *Hafṣ* dan riwayat *Shu'bah* menggunakan tanda baca yang khusus bagi membezakan qiraat antara kedua-dua riwayat.

Pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam telah mengambil inisiatif menerbitkan beberapa buah mashaf sebagai panduan bacaan al-Quran bagi umat Islam. Antara mushaf tersebut ialah *Muṣḥaf al-Wāthiq Billah*. Mashaf



ini mempunyai keunikannya tersendiri iaitu, mushaf ini telah dicetak dalam dua edisi iaitu *Mushaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Hafṣ ‘An ‘Āsim* dan *Mushaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu‘bah ‘An ‘Āsim* pada tahun 2006. Oleh kerana adanya perbezaan bacaan dalam kedua-dua *Mushaf al-Wāthiq Billah*, tentu sahaja penggunaan tanda bacanya turut berbeza. Walaupun kedua-dua *Mushaf al-Wāthiq Billah* ini diedarkan kepada masyarakat Brunei pada ketika itu,<sup>1</sup> namun masih ramai yang tidak mengetahui terdapat perbezaan antara kedua-duanya<sup>2</sup>

Jika mereka terbaca mashaf riwayat Shu‘bah, kemungkinan besar mereka beranggapan bahawa mashaf itu terdapat kesalahan cetakan, terutamanya yang sudah terbiasa dengan bacaan mashaf riwayat Hafṣ. Bahkan kini *Mushaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu‘bah* telah dimuatnaik ke internet.<sup>3</sup> Ditakuti lebih ramai lagi yang terkeliru dengan mushaf tersebut. Pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak mashaf yang diterbitkan menggunakan riwayat Shu‘bah, seperti *Mushaf al-Madinah Riwāyah Shu‘bah* terbitan *Majma‘ al-Malik Fahd al-Ashliyyah*<sup>4</sup> dan *Mushaf al-Qur‘ān Riwāyat Hafṣ ‘an ‘Āsim wa bi al-Hamish Riwāyat Shu‘bah* terbitan dari kerajaan Jordan,<sup>5</sup> tetapi tanda baca yang digunakan tidaklah seunik dengan *Mushaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu‘bah*.

Walau bagaimanapun ramai yang tidak memahami kaedah penulisan mashaf ini kerana pengenalannya ditulis dengan bahasa Arab<sup>6</sup>. Ini boleh menyebabkan kekeliruan pembaca yang tidak mempunyai latar belakang ilmu qiraat. Namun begitu inisiatif kerajaan telah menerbitkan mushaf sebagai satu sumbangan besar untuk memelihara dan mengembangkan riwayat qiraat *mutawātirah* yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan umat Islam terutamanya mereka yang mencebur bidang qiraat.

## 2.0 MUŞĦAF AL-WĀTHIQ BILLĀH RIWĀYAT SHU‘BAH ‘AN ‘ĀSIM

*Mushaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah ‘An ‘Āsim* adalah terbitan khas, telah dicetak dan diterbitkan pada 15hb Julai 2006 sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang ke-60 tahun. Penulis Mushaf ini adalah salah seorang tenaga pengajar di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu Dr Ashraf Muhammad Fuad Ṭala‘at Al-Miṣriy yang masih berkhidmat sehingga kini. Menurut tinjauan pengkaji, mendapati bahawa edaran mashaf ini sangat terhad dan hanya orang-orang tertentu yang memilikinya. Sekarang versi digital mashaf ini boleh didapati dengan muatun melalui laman web *Maktabah Mujayyidah*<sup>7</sup> atau baca secara langsung melalui laman web *Internet Archive*.<sup>8</sup>

<sup>1</sup> Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor. (2006, Ogos 2). Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. *Pelita Brunei*.

<sup>2</sup> Lihat komen seorang pembaca Mushaf Riwayat Syu‘bah di laman: <http://santrimenara.com/setelah-menemukan-perbedaan-harakat-dua-mushaf-al-quran-1033>, dilayari pada 29/08/2021

<sup>3</sup> Sila layari laman web maktabah.org di: <http://www.maktabah.org/en/item/2552-quran-mushaf-asim> telah dilayari pada 02/03/2021

<sup>4</sup> Sila layari laman web Internet Archive di: [https://archive.org/details/almadinah\\_4694694679469469/page/n605/mode/2up](https://archive.org/details/almadinah_4694694679469469/page/n605/mode/2up) telah dilayari pada 10/04/2021

<sup>5</sup> Sila layari laman web islamway.net di: <https://ar.islamway.net/book/20209/-02-%D8%B1%D9%88%D8%A7%D9%8A%D8%A9-%D8%AD%D9%81%D8%B5-%D8%B9%D9%86-%D8%B9%D8%A7%D8%B5%D9%85-%D9%88%D8%A8%D8%A7%D9%84%D9%87%D8%A7%D9%85%D8%B4-%D8%B1%D9%88%D8%A7%D9%8A%D8%A9-%D8%B4%D8%B9%D8%A8%D8%A9> telah dilayari pada 10/04/2021

<sup>6</sup> Ashraf Muḥammad Fuad Ṭala‘at Muḥammad Amīn al-Miṣriy. *Mushaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah*. (2006). Negara Brunei Darussalam. Ms.

<sup>7</sup> Sila layari laman web maktabah.org di: <http://www.maktabah.org/en/item/2552-quran-mushaf-asim> telah dilayari pada 02/03/2021

<sup>8</sup> Sila layari laman web archive.org di: [https://archive.org/details/sa71mir\\_gmail\\_20160629\\_1959/page/n1/mode/2up](https://archive.org/details/sa71mir_gmail_20160629_1959/page/n1/mode/2up) dilayari pada 13/10/2021

Mashaf ini telah ditulis dan diberi tanda baca bertepatan dengan riwayat Imam Abū Bakr Shu‘bah bin ‘Ayyash al-Kūfiy al-Hannāṭ (W 193 H)<sup>9</sup> menurut qiraat Imam ‘Āṣim bin Abū al-Nujūd al-Kūfiy al-Tābi‘iy (W 127 H).<sup>10</sup> Riwayat Shu‘bah dalam mashaf ini berasaskan dari kitab *Ḥirz al-Amāni fī al-Qirā’at al-Sab*<sup>11</sup> yang dikenali sebagai *Matan al-Shāṭibiy* karangan Abū Muḥammad al-Qāsim bin Fīrruh al-Shaṭībīy (w. 590 H). *Matan al-Shāṭibiy* adalah matan qiraat yang berkaitan tentang bacaan tujuh imam qiraat *mutawātirah* termasuk riwayat Shu‘bah. Matan ini mengandungi 1173 bait syair yang merupakan ringkasan daripada kitab *al-Taysīr fī al-Qirā’at as-Sab*<sup>12</sup> karya ulama Andalus yang terkenal bernama Abu ‘Amr al-Dani (w. 444 H).<sup>13</sup>

Penggunaan tanda baca dalam mashaf ini pula diambil dari dua tokoh ulama *ḍabt* yang disebut *Shaikhāni* (dua syeikh). Mereka adalah Abu ‘Amr al-Dani dan Abu Daud Sulaiman bin Najah (w. 496 H).<sup>14</sup> Selain itu, penandaan dalam mashaf ini juga bersumberkan dari kitab *al-Ṭirāz fī Sharḥ Ḍabt al-Kharrāz* (1999 M)<sup>15</sup> yang dikarang oleh Abū Abd Allāh Muḥammad ibn Abd Allāh Al-Tanasiy (w. 899H). Secara ringkasnya tanda-tanda baris ini diambil daripada ciptaan Imam al-Nahu al-Khalīl ibn Ahmad al-Farāhīdī (w.160H). Di samping itu, mashaf ini telah ditambahbaikkan dengan penambahan warna.

<sup>9</sup> Nama beliau adalah Ābū Bakr Shu‘bah ibn ‘Ayyāsh ibn Sālim al-Asadī al-Ḥannāṭ al-Kūfī, dan digelar sebagai Shu‘bah. Beliau adalah seorang Qāri, muhaddīth dan ahli feqh yang dianggap sebagai rujukan para imam besar dalam Ahli Sunnah. Lihat: Muḥammad ibn Aḥmad ibn Othmān ibn Qāyṁāz al-Dhahabī Shams al-Din Abu Abdullah. *Siyār ‘Alām al-Nubalā’*. Beirut: Muassisat al-Risālah. Juz 8. Ms. 495.

<sup>10</sup> Nama lengkapnya adalah Āṣim ibn Abū al-Najūd al-Asadī. Beliau adalah salah satu imam qirā’at al-saba‘ah dari kalangan ulama Kufah dan berasal dari tābi‘īn, generasi pertama selepas Sahabah. Lihat: Shams al-Din al-Dzahabī. *Siyār ‘Alām al-Nubalā’*. Juz 5. Ms. 256.

<sup>11</sup> Abū Muḥammad al-Qāsim ibn Fīrruh ibn Khalaf ibn Aḥmad al-Shaṭībīy al-Ru‘ainiy al-Andalusiy. (2011 M). *Ḥirz al-Amāni fī al-Qirā’at al-Sab*. Maktabah al-Maurid li al-Nashr wa al-Tauzi’. Cet 1.


<sup>12</sup> Al-Dani, ‘Uthmān ibn Sa‘īd. (1984 M). *Al-Taysīr fī al-Qirā’at as-Sab*. Dār al-Andalusi Li al-Nashar wa al-Tauzi’, Cet 2.

<sup>13</sup> Nama beliau adalah ‘Uthmān ibn Sa‘īd ibn Uthmān ibn Amr Abū Amr al-Dānī al-Andalusiy. Beliau termasuk salah seorang yang terkemuka dan menjadi rujukan para qari dan perawi qiraat pada abad 4-5 Hijriyah. Lihat: Shams al-Din al-Dzahabī. (1982 M). *Siyār ‘Alām al-Nubalā’*. Beirut: Muassisat al-Risālah. Juz 18. Ms. 77.

<sup>14</sup> Nama lengkap beliau adalah Abū Dāwud Sulaimān ibn Abū al-Qāsim Najāh. Beliau adalah seorang ulama qiraat dan juga sahabat mulia kepada al-Dānī. Lihat: Shams al-Din al-Dzahabī. *Siyār ‘Alām al-Nubalā’*. Juz 19. Ms. 168-170.

<sup>15</sup> Abū Abd Allāh Muḥammad ibn Abd Allāh Al-Tanasiy. (1999 M). *Al-Ṭirāz fī Sharḥ Ḍabt al-Kharrāz*. Aḥmad ibn Aḥmad Sharshāl. (Ed.). Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭabā‘āt al-Muṣḥaf al-Sharīf. Sila layari laman web islamway:

<https://ar.islamway.net/book/24056/%D8%A7%D9%84%D8%B7%D8%B1%D8%A7%D8%B2-%D9%81%D9%8A-%D8%B4%D8%B1%D8%AD-%D8%B6%D8%A8%D8%B7-%D8%A7%D9%84%D8%AE%D8%B1%D8%A7%D8%B2> telah dilayari pada 03/11/2021



Gambar 1. Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh biriwāyāh Shu'bah



Gambar 2. Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh biriwāyah Ḥafṣ



Gambar 3 Tanda Baca dalam Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwayāt Shu'bah



Gambar 4 Tanda Baca dalam *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Ḥafṣ*

### 3.0 PENGGUNAAN WARNA PADA *MUṢḤAF AL-WĀTHIQ BILLĀH RIWĀYAT SHU'BAH 'AN 'ĀṢIM*

- 1) Warna hitam - digunakan untuk tulisan asal al-Qur'an *Rasm Uthmāni* tanpa titik dan baris<sup>16</sup>.
- 2) Warna biru - digunakan untuk tanda *waqf* (berhenti) seperti: (م)، (ن)، (ة)، (ج)، (ط)، (ث)، (ث)، (ث)، (لا)، (و) dan sebahagian tanda-tanda waqaf khusus seperti baris bawah warna biru **يحيى** dan garis biru yang terletak di bawah sesuatu perkataan seperti **سوى**، **و رء القمر**. Tanda ini akan diterangkan selengkapnya pada bab istilah variasi tanda baca<sup>17</sup>.
- 3) Warna hijau – titik warna hijau (◌) digunakan untuk *hamzah al-wasal* ketika ingin memulakan bacaan contoh **استكباراً** dan juga *hamzah al-qat'* berwarna hijau yang dibaca secara *ibdal* iaitu menukar sebutan hamzah kepada sebutan huruf mad dan dibaca 2 harakat secara mad badal, seperti **إئتوني**<sup>18</sup>.

Warna hijau juga digunakan bagi perkara-perkara yang melibatkan susunan dan arahan. Warna hijau ini terbahagi kepada dua peringkat:

- I. Hijau tebal - bagi nama-nama surah, susunan dan bilangan ayat, nombor ayat, juzuk, *ḥizb*, *niṣf* dan *rubu'*, tanda *sajdah*, saktah, garisan segi empat meliputi ayat-ayat dan nombor muka surat.
- II. Hijau nipis - bagi bingkai tebal di sekeliling muka surat dan bulatan pada nombor ayat, bulatan yang menunjukkan permulaan *rubu'*, lukisan kubah yang mengelilingi nombor juzuk, *ḥizb*, *niṣf* dan *rubu'*, saktah, *sajdah*, garisan di bawah ayat *sajdah* dan lukisan menara tanda tempat sujud

<sup>16</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ح.










<sup>17</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ح.

<sup>18</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ح.

- 4) Warna Merah – digunakan bagi segala tambahan yang dibuat bagi menjelaskan cara menyebut kalimah, ini termasuklah - titik-titik huruf, baris-baris termasuk *sukun*, *tanwin*, *tasydid* atau sabdu, tanda panjang, hamzah wasal, huruf-huruf tambahan, alif tambahan ketika *wasl*, *imalah*, *isymam*, tanda saktah, *hamzah al-qata* (tetap), huruf kaf yang terletak di akhir kalimah, huruf-huruf yang dihapuskan tulisannya tetapi masih wajib dilafazkan, huruf-huruf yang disebut berlainan dengan yang tertulis dengan penyambung *damir* (ganti nama diri) ha, mim *iqḷāb*, nun (tanwin) yang bertemu *hamzah al-waṣl*, dan garis warna merah yang diletakkan di bawah kalimah tertentu bagi menerangkan adanya perbezaan bacaan antara riwayat Ḥafṣ dan Shu‘bah.

#### 4.0 ISTILAH TANDA BACA MUṢḤAF AL-WĀTHIQ BILLĀH RIWĀYAT SHU‘BAH

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa terdapat perbezaan antara bacaan riwayat Shu‘bah dan riwayat Ḥafṣ. Oleh itu, setiap kalimah yang berbeza antara kedua-dua riwayat diletakkan tanda baca yang berlainan supaya mudah dikenali. Antara keunikan mushaf ini ialah memperkenalkan tanda baca yang jarang digunakan dalam penulisan mashaf. Berikut adalah dua belas tanda baca unik yang digunakan dalam penulisan ini:

No	Tanda baca	Penerangan	Riwayat Shu‘bah	Riwayat Ḥafṣ <sup>19</sup>
1.		Garis di bawah kalimah berwarna merah menunjukkan perbezaan bacaan antara riwayat Ḥafṣ dengan Shu‘bah. <sup>20</sup>		
2.		Dua garis merah berpisah pada dua kalimah untuk menunjukkan terdapat dua kalimah yang berturut-turut tapi mempunyai perbezaan hukum. Garis merah ini dipisahkan kerana hukum kedua-dua perkataan tu berbeza dan tiada kaitan dengan satu sama lain. <sup>22</sup>		
3.		Garis merah tanpa berpisah pada dua kalimah diletakkan jika salah satu daripada dua kalimah tersebut mempunyai dua hukum yang berkait rapat sama ada dari segi <i>i‘rab</i> , atau <i>damir ghāib</i> atau	Contoh dari segi <i>i‘rab</i> : 	
			Dari segi tajwid:	

<sup>19</sup> Ashraf Muḥammad Fuad Ṭala‘at Muḥammad Amīn al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Ḥafṣ*. (2006). Negara Brunei Darussalam.

<sup>20</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah*. Ms. ٥٥.

<sup>21</sup> Surah Ṭāhā (20):61


<sup>22</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu‘bah*. Ms. ٥٥.









<sup>23</sup> Surah al-Taubah (9):109

<sup>26</sup> Surah al-Anfāl (8):18



*mukhātab*,<sup>24</sup> atau dengan sebab adanya hukum tajwid yang memberi kesan kepada kalimah yang kedua, maka garis panjang berwarna merah tanpa berpisah diletakkan di bawah dua kalimah tersebut.<sup>25</sup>



<p>4.</p> 	<p>Garisan merah diletakkan di bawah dua kalimah yang berbeza, menunjukkan hukumnya sabit <i>idghām</i> ketika sambung sahaja.<sup>29</sup></p>	
<p>5.</p> 	<p>Titik besar berwarna merah ini diletakkan di bawah huruf yang menunjukkan bacaan <i>imālah</i>.<sup>31</sup> Manakala garis merah pula menunjukkan perbezaan bacaan antara riwayat Ḥafṣ dan Shu'bah seperti yang sudah diterangkan di atas.<sup>32</sup></p>	
<p>6.</p> 	<p>Garisan berwarna biru ini diletakkan di bawah kalimah yang dibaca dengan <i>imālah</i> ketika berhenti, dan dibaca <i>Fath</i><sup>36</sup> jika bersambung.<sup>37</sup></p>	
<p>7.</p> 	<p>Titik Merah dan Garis Biru menunjukkan dua perbezaan hukum dalam satu kalimah.</p>	

<sup>24</sup> Setakat yang pengkaji teliti, belum lagi ada contoh yang berkaitan dengan ḍamir ghaib dan mukhatab ditemui.

<sup>25</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ص.

<sup>27</sup> Surah al-Anbiyā' (21): 4

<sup>28</sup> Surah al-Insān (76): 4

<sup>29</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ص.

<sup>30</sup> Surah Yāsin (36): 1-2

<sup>31</sup> Melafazkan baris fathah seumpama menyebut baris kasrah dan huruf Alif yang cenderung kepada huruf Yā, juga dikenali sebagai Imālah Kubra dan al-Idjā'. Lihat: Said Lashin Abū al-Farah Khalid ibn Muḥammad al-Ḥafiz al-'Alamī. (2003). *Taqrīb al-Ma'ānī fī Sharḥ Hirz al-Amānī fī al-Qirā'at al-Sab'*. Maktabah Dār al-Zamān. Ms. 126.

<sup>32</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ص

<sup>33</sup> Surah al-Naml (27):40

<sup>34</sup> Surah al-Isrā' (17):72

<sup>35</sup> Surah Maryam (19):1

<sup>36</sup> Al-Fath bermaksud membuka mulut ketika menyebut huruf Alif yang bukan berbaris atas, kerana Alif mad tidak menerima baris harakat. Lihat: 'Abd al-Fattāḥ ibn 'Abd Ghanī ibn Muḥammad al-Qaḍī. (1992 M). *Al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāḥibiy fī al-Qirā'at al-Sab'*. Maktabah al-Suwadi Li al-Tauzi'. Ms. 140.



<sup>37</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ص.

<sup>38</sup> Surah al-Qiyāmah (75):36

<sup>40</sup> Surah al-Ahzāb (33):22

- Titik warna merah diletakkan bagi bacaan imalah ketika sambung (*waṣl*) dan berhenti (*waqf*).
- Garisan biru bagi bacaan imalah ketika *waqf* sahaja.<sup>39</sup>

Ini bermaksud perkataan tersebut ketika sambung (*waṣl*) dibaca dengan *imālah* huruf ra sahaja. Manakala ketika *waqf* dibaca imalah pada huruf ra dan alif.

<p>8.</p>	<p>Titik hijau diletakkan dipermulaan kalimat pada <i>Hamzah al-waṣl</i>, bagi mengetahui baris ketika ingin memulakan bacaan padanya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Titik hijau diletak di atas <i>hamzah al-waṣl</i> bagi menunjukkan hamzah tersebut dibaca dengan baris atas, contohnya:</li> <li>• Titik hijau diletak di bawah <i>hamzah al-waṣl</i> bagi menunjukkan <i>hamzah</i> tersebut dibaca dengan baris bawah, contohnya:</li> <li>• Titik hijau diletak di depan <i>hamzah al-waṣl</i> bagi menunjukkan hamzah tersebut dibaca dengan baris depan, contohnya:</li> </ul>	
<p>9.</p>	<p>Dalam mushaf ini semua huruf Hamzah menggunakan warna merah, kecuali <i>hamzah al-qat'</i> sukun yang terletak selepas <i>hamzah al-waṣl</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Hamzah al-qat'</i> ini diwarnakan dengan warna hijau bagi menunjukkan cara memulakan bacaan dengan baris bawah dan menukar <i>hamzah al-qat'</i> menjadi huruf ya jika rumah Hamzah</li> </ul>	

<sup>39</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ص

(Qata') tersebut berbentuk huruf Ya, contohnya:

إِنْتِنَا إِنْتُونِي

- Begitu juga jika rumah Hamzah itu berbentuk huruf waw maka *hamzah al-waṣḥ*nya mestilah dimulakan dengan baris depan dan ditukar *Hamzah al-qat'* kepada waw, contohnya:<sup>41</sup>

أَوْثَمِينَ  
أَوْثَمِينَ

Ketika *waṣl* dibaca seperti pada tulisannya namun apabila memulakan bacaan dari kedua kalimah tersebut maka menjadi (إِيثُونِي) dan (أَوْثَمِينَ).

<p>10.</p> <p>ي</p>	<p>Baris bawah warna biru ini hanya diletakkan pada huruf ya di hujung kalimah (<i>yā mutatarriḥah</i>) iaitu pada huruf ya yang mati, samada ditulis huruf ya seperti: atau tiada huruf ya kecil terletak selepasnya seperti:<sup>43</sup></p> <p>Tanda ini bagi menunjukkan ketika <i>waqf</i> huruf ya tersebut dibaca dengan dua harkat.</p>	<p>أَخِي وَأُمِّيَّتْ<sup>44</sup></p> <p>يَعِي الْمَوْتِيَّ<sup>45</sup></p>	<p>أَخِي وَأُمِّيَّتْ</p> <p>يَعِي الْمَوْتِيَّ</p>
<p>11.</p> <p>ن</p>	<p>Tanda nun kecil berbaris bawah warna merah adalah sebagai pengganti baris kedua tanwin jika bertemu sukun selepasnya contoh:<sup>46</sup></p>	<p>يَوْمِذِ الْحَقِّ<sup>47</sup></p> <p>نُوحِ ابْنِهِ<sup>48</sup></p>	<p>يَوْمِذِ الْحَقِّ</p> <p>نُوحِ ابْنِهِ</p>
<p>12.</p> <p>ء</p>	<p>Alif kecil yang diletakkan selepas huruf hamzah yang berbaris tanwin di atas adalah untuk menunjukkan pertukaran tanwin kepada mad dua harkat ketika <i>waqf</i> (<i>Mad 'Iwāḍ</i>), contohnya:<sup>49</sup></p>	<p>يُنَاءَ مَاءَ<sup>50</sup></p>	<p>يُنَاءَ مَاءَ</p>

<sup>41</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ع.

<sup>42</sup> Surah al-Baqarah (2):283

<sup>43</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ف.

<sup>44</sup> Surah al-Baqarah (2):258

<sup>45</sup> Surah al-Ḥajj (22):6

<sup>46</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ص.

<sup>47</sup> Surah al-A'rāf (7):8, surah al-Furqān (25):26

<sup>48</sup> Surah Hūd ayat 42

<sup>49</sup> Ashraf al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Shu'bah*. Ms. ق.

<sup>50</sup> Surah al-Baqarah (2):22, surah al-Ghāfir (40):64



## 5.0 KESIMPULAN

Terdapat dua belas tanda baca unik dalam *Muṣḥaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu'bah* yang ditemui berbeza daripada mashaf-mashaf riwayat Ḥafṣ yang biasa. Setiap tanda-tanda tersebut mempunyai makna dan fungsi tersendiri bagi menjelaskan *manhaj* (cara bacaan) yang betul dalam riwayat Shu'bah. Bagi pendapat pengkaji, tanda-tanda yang digunakan dalam *Muṣḥaf al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu'bah* adalah lebih jelas dan teratur berbanding dengan tanda-tanda baca dalam mashaf biasa. Mushaf ini rata-ratanya tidak diketahui oleh masyarakat awam dan cuma diketahui dan dibaca oleh kalangan yang berpengetahuan ilmu qiraat dan *ḍabt*. Sedangkan bacaan riwayat Shu'bah antara bacaan yang *mutawātirah* dan diterima pakai. Melihat kepada fenomena masyarakat Islam hari ini, lebih-lebih lagi dari kalangan mereka yang tidak mampu menguasai bahasa Arab dengan baik, mereka tidak akan faham dan peduli akan kewujudan mashaf Shu'bah cetakan Brunei. Maka ilmu *ḍabt* adalah penting dipelajari bagi menghindari prasangka buruk dan kekeliruan tentang mushaf ini. Pengetahuan tentang perbezaan penggunaan tanda-tanda dalam mashaf ini perlu diketengahkan kepada masyarakat, kerana sebilangan pembaca keliru disebabkan berbeza dengan mashaf riwayat Hafṣ yang biasa dibacanya. Pelajar qiraat bahkan orang awam juga dapat membaca mashaf riwayat Syu'bah dengan syarat pembaca harus mengetahui istilah tanda baca yang terdapat di dalamnya.

## RUJUKAN

- Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī. (1992 M). *Al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāṭibiy fī al-Qirā'at al-Sab'*. Maktabah al-Suwadi Li al-Tauzi'.
- Abd Fattāḥ al-Qāḍī. (2002M). *Tārikh al-Qurrā al-'Asharah wa Rawātuhum*. Ḥuqūq al-Ṭaba' Maḥfūzah.
- Aitani, Abd al-Raḥmān. (2016). *Al-Mufīd fī 'Ilm al-Tajwīd*. Ḥuqūq al-Ṭaba' Maḥfūzah. Cet. 2.
- Al-Dani, 'Uthmān ibn Sa'īd. (1407H). *Al-Muḥkam fī Naqt al-Maṣāḥif*. Damshiq: Dār Al-Fikr. Cet. 2.
- Al-Dani, 'Uthmān ibn Sa'īd. (1984 M). *Al-Taysīr fī al-Qirā'at as-Sab'*. Dār al-Andalusi Li al-Nashar wa al-Tauzi', Cet 2.
- Al-Dhahabī, Shams al-Din Abu Abdullah. Siyār 'Alām al-Nubalā'. Beirut: Muassisat al-Risālah. Juz 8. Juz 5. Juz 18. Juz 19.
- Al-Shāṭibiy al-Ru'ainiy al-Andalusiy, Abū Muḥammad al-Qāsim ibn Fīrruh ibn Khalaf ibn Aḥmad. (2011 M). *Ḥirz al-Amāni fī al-Qirā'at al-Sab'*. Maktabah al-Maurid li al-Nashr wa al-Tauzi'. Cet 1.
- Al-Tanasiy, Abū Abd Allāh Muḥammad ibn Abd Allāh. (1999 M). *Al-Ṭirāz fī Sharḥ Ḍabṭ al-Kharrāz*. Aḥmad ibn Aḥmad Sharshāl. (Ed.). Majma' al-Malik Fahd li Tabā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf.
- Ashraf Muḥammad Fuad Muḥammad Amīn Tala'at al-Misriy. (2006). *Safīr al-'Ālamīn fī 'Idāh wa Tahṛīr Samīr al-Ṭālibīn fī Rasm wa Ḍabṭ al-Kitāb al-Mubīn*. Brunei Darussalam. Jilid.1.
- Ashraf Muḥammad Fuad Ṭala'at Muḥammad Amīn al-Miṣriy. *Muṣḥaf al-Wāthiq Billāh Riwāyat Ḥafṣ*. (2006). Negara Brunei Darussalam.
- Ashraf Muḥammad Fuad Ṭala'at Muḥammad Amīn al-Miṣriy. *Muṣḥaf Al-Wāthiq Billah Riwāyat Shu'bah*. (2006). Negara Brunei Darussalam.
- Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor. (2006, Ogos 2). Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. *Pelita Brunei*.
- Ghānim Qaddūrī al-Ḥamad. (2012/1433 H). *Al-Muyassar fī 'Ilm al-Rasm al-Muṣḥaf wa Ḍabṭihi*. Jamī' al-Ḥuqūq Maḥfūzah. Cet. 2.
- Halimah Sal, Omar al-Kubaisi, Baṣīrī Sāl (Eds.). (2014 M). *Al-Qirā'at Riwāyatā Warsh wa Ḥafṣ Dirāsah Taḥlīliyyah Muqāranah*. Emiriyyah Arab Bersatu (UAE): Dār al-Wādeh.



Muhammad Sālim Muḥaisin. (2002/1422 H). *Irshād al-Ṭālibīn ‘ilā Ḍabṭi al-Kitāb al-Mubīn*. Dār Muḥaisīn: Al-Ṭabā‘ah wa al-Nashar wa al-Tauzī‘.Cet. 2.

Said Lashin Abū al-Faraḥ Khalid ibn Muḥammad al-Ḥafiz Al-Ilmi. (2003). *Taqrib al-Ma’ānī fī Sharḥ Ḥirz al-Amāni fī al-Qirā’āt al-Sab’*. Maktabah Dār al-Zamān.

### **Laman Sesawang**

Portal rasmi Santrimenara (2016). Laman sesawang dicapai dari <http://santrimenara.com> [diakses pada 29/08/2021]

Portal rasmi Islamway (2016). Laman sesawang dicapai dari <https://ar.islamway.net> [diakses pada 10/04/2021]

Portal rasmi Maktabah.org (2015). Laman sesawang dicapai dari <http://www.maktabah.org> [diakses pada 02/03/2021]

Portal rasmi Internet Archive (2015). Laman sesawang dicapai dari <https://archive.org> [diakses pada 10/04/2021]

Portal rasmi Islamway (2016): Laman sesawang dicapai dari <https://ar.islamway.net> [diakses pada 03/11/2021]

Portal Rasmi archive.org (2016): Laman sesawang dicapai dari <https://archive.org> [diakses pada 13/10/2021]